

## 'Semua pelajar, graduan wajar mendaftar dalam MYFutureJobs' - Ismail Sabri

Oleh **Fahmy A Rosli** - Februari 19, 2022 @ 1:11pm

[fahmy.azril@bh.com.my](mailto:fahmy.azril@bh.com.my)



Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyuarakan harapannya terhadap semua pihak dan pelbagai institusi supaya mendaftar dengan portal MYFutureJob.

Perdana Menteri berkata, perlunya penglibatan aktif semua pihak termasuk daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Pendidikan (KPM) dan Majlis Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) supaya masing-masing

menggalakkan pelajar serta graduan mereka untuk mendaftar menerusi portal padanan kerja itu.

"Langkah ini akan membolehkan mereka peka dengan peluang-peluang kerjaya dan perkhidmatan pekerjaan lain yang ditawarkan seperti kaunseling kerjaya, program kebolehan pekerjaan, karnival kerjaya dan sesi temuduga terbuka bersama majikan.

"Pencari kerja yang ingin mendapatkan perkhidmatan padanan pekerjaan juga kini boleh menghadirkan diri terus ke pusat-pusat MYFutureJobs di seluruh negara seperti di Pejabat PERKESO, Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan juga Pusat Satelit MYFutureJobs di kawasan luar bandar dan institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

"Portal MYFutureJobs kini menempatkan lebih 465,379 pencari kerja dengan pekerjaan baharu, manakala kira-kira 57,791 orang perantisan yang terdiri daripada golongan pelajar dan graduan telah berjaya mendapatkan pekerjaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Inisiatif JaminKerja Keluarga Malaysia dan Karnival Kerjaya JaminKerja Keluarga Malaysia 2022 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, hari ini